

Usaha banteras budaya kuning: PM

Satelit kawal siri ganas, lucah

13 NOV 1991

Ola WAN HAMIDI HAMID

LANGKAWI, Selasa — Kerajaan membe-
ri jaminan akan mengawal kemasukan fi-
lm dan siri televisyen yang ganas dan lu-
cah ke negara ini apabila memiliki satelit
perlamanya, kata Perdana Menteri, Da-
ta Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan mengakui ke-
mungkinan unsur ganas dan lucah terle-
pas masuk ke negara ini melalui satelit.

Bagaimanapun, katanya, unsur budaya
kuning itu dapat dibanteras dengan ka-
walan dan tapisan ketat.

"Kita boleh tapis rancangan yang akan
mencemar pemikiran rakyat Malaysia,

khususnya yang bercorak ganas dan lu-
cah.

"Tetapi kita juga perlu faham bahawa
satelit dan stesen penerima bahan dari-
pada satelit adalah dua perkara bera-
singan," katanya kepada pemberita sele-
pas menyaksikan majlis menandatangani
perjanjian persefahaman pembelian sate-
lit pertama negara -- Malaysia East Asian
Satellite (Measat) di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan
akan memastikan syarat ketat bagi pemi-
likan sistem penerimaan bahan daripada
satelit.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan
sentiasa berhati-hati walaupun menyeda-
ri sukar untuk menghalang kemajuan tek-

nologi satelit.

"Dengan adanya teknologi coding dan
decoding kita boleh menjamin unsur
buruk tidak terlepas masuk ke negara ini
melalui satelit," ujarnya.

Sementara itu, Perdana Menteri berka-
ta, peserta Pameran Udara dan Maritim
(Lima) puas hati dengan hasil pameran
itu.

Katanya, walaupun titlak semestinya
banyak perjanjian ditandatangani, Lima
memberi peluang serius kepada peserta
untuk menjalankan perniagaan merrka.

Perdana Menteri juga berjanji akan
melawat beberapa gerai pameran dan
pertunjukan yang belum sempat dilawa-
tinya.